

# Mahathir akur biasiswa pelajar2 kita ditambah

BN 29 SEP 1975

**KUALA LUMPUR,**  
Isnin. — (Dr. Mahathir Mohamad ber-setuju biasiswa penuntut - penuntut Malaysia di Britain ditambah berikutan dengan langkah Kerajaan negara itu menaikan bayaran tuition sebanyak 30 peratus mulai September tahun depan.

Menteri Pelajaran itu juga mengalu-alukan langkah pihak Instituit Teknologi MARA melaksanakan peraturan tata-tertib pelajar yang begitu ketat bagi menjaga disiplin dan moral para penuntutnya.

Dr. Mahathir menstifatkan kenaikan bayaran itu sangat tinggi dan merupakan akan menjadi satu masalah besar kepada penuntut-penuntut Malaysia terutama penuntut persendirian.

"Oleh itu, kerajaan kenalah menaikan biasiswa penuntut - penuntut itu supaya mereka tidak jadi mangsa kenaikan yuran tersebut," katanya lagi.

Bellau bercakap kepada para pemberita di Lapangan Terbang Subang sebelum berlepas ke Indonesia untuk melakukan lawatan tidak rasmi 11 hari, petang ini.

Menurut Menteri Pelajaran itu, kenaikan bayaran tuition itu adalah satu tekanan yang kuat terutama kepada penun-

Oleh NORDIN MOHAMED

tut-penuntut yang bersendirian.

Bellau menyatakan, perkara tersebut akan di kemukakan kepada badan-badan yang mengeluarkan biasiswa untuk pertimbangan masing-masing.

Kata Dr. Mahathir bellau belum lagi menerima sebarang laporan lengkap mengenai kenaikan bayaran tuition dan reaksi pelajar dari pihak Jabatan Pelajar-pelajar Malaysia di London.

Menurut Dr. Mahathir, bellau memerlukan laporan tersebut sebelum sebarang langkah bagi menolong beban pelajar-pelajar itu dapat diam-bil.

Katanya, terdapat kira-kira 12,000 orang penuntut Malaysia termasuk 4,000 penuntut jururawat sedang belajar di Britain, sebahagian besarnya pelajar-pelajar bersendirian.

Ditanya samada quota penghantaran penuntut

Malaysia ke negara itu akan dikurangkan pada tahun-tahun akan datang, bellau berkata, "soal ini tidak timbul, kita mestilah memenuhi keperluan dan kepentingan negara, walaupun melibatkan langkah jimat-cermat Kerajaan."

Bellau memberitahu kira-kira 9,000 orang pelajar memohon melanjutkan pelajaran ke Britain setiap tahun, hanya 3,000 sahaja dapat pergi.

Tegasnya, kenaikan bayaran tuition itu, mungkin tidak menjadi halangan kepada penuntut-penuntut yang berhasrat tinggi untuk mencapai kemajuan dibidang pelajaran.

Mengenai peraturan Tata-tertib pelajar yang akan dikuatkuasakan mulai 5 Januari ini di ITM, Dr. Mahathir menegaskan bahawa peraturan yang ketat seumpama itu sudah sepatutnya diadakan bagi menjaga disiplin dan moral

penuntut.

"Ini adalah untuk kebaikan dan faedah penuntut-penuntut ITM itu sendiri," ujarnya.

"Kita perlu mempunyai warganegara yang berdisiplin, tidak ada lain tempat untuk melatih disiplin selain dari di sekolah dan di instituit-instituit pelajaran tinggi," tegasnya.

Menteri itu bimbang, sekiranya diperingkat penuntut mereka tidak mengenali disiplin, jenerasi yang akan datang akan menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri mereka dalam masyarakat.

Mereka juga, katanya, akan menghadapi kesukaran dalam menjalankan tugas masing-masing kerana di mana-mana pejabat atau jabatan pun mempunyai peraturan disiplinnya sendiri.

Semasa berada di Indonesia, Dr. Mahathir akan mengambil kesempatan menemui para pelajar Malaysia di sana dan membincangkan sebarang masalah yang mereka hadapi.